

Integriti, seperti juga kebajikan, bermula dari dalam rumah. Adalah amat tidak adil bagi mana-mana pemimpin untuk melindungi orang yang mereka suka. Ia memperlihatkan ketidakadilan, ketidaksempurnaan

Di antara integriti dan rasuah

Suara Keadilan - 2-16/3/2006

Oleh: Ezam Mohd Nor

Bagi mereka yang mahu menghirup udara segar, rombakan Kabinet baru-baru ini adalah sangat menghampankan. Sedikit saja perubahan dibuat pada barisan yang memang sudah teruk dikritik kerana tidak jujur dan tidak telus.

Memasuki tahun ketiganya, ramai yang menaruh harapan pada kerajaan, agar lebih berani untuk membuang mereka yang bersalah - bukannya tuduhan melulu - bahkan kebanyakan bukti cukup jelas dan nyata.

Tapi cerita lama berulang kembali: bahawa menteri-menteri ini, yang mana berkajang-kajang kertas dari pejabat Peguam Negara telah digunakan untuk menjelaskan bahawa mereka memang patut digugurkan kerana telah melakukan rasuah dan menyalahgunakan kedudukan.

Dengan lain perkataan, mereka perlu diganti.

Kemampuan dan integriti sepatutnya dilihat sebagai dua perkara yang berbeza.

Penjelasan mengapa Rafidah Aziz dikekalkan dan kemasukan semula Tengku Adnan Tengku Mansor mungkin boleh diterima dengan alasan kebolehan mereka mentadbir sebagai kriteria utama.

Namun, ia sama sekali tidak benar. Bakat mereka dalam pentadbiran tidak harus dijadikan alasan untuk melepaskan diri dari tindakan hukuman, yang mana seharusnya sudah lama dikenakan.

Malahan, kedua-duanya (kemampuan dan integriti) tidak sepatutnya dilihat sebagai dua kualiti yang berasingan.


Seseorang yang tidak boleh bersikap jujur dalam menjalankan tugas tidak boleh dilihat sebagai pentadbir yang baik, tidak kira berapa banyak perjanjian pelaburan luar negara yang mereka boleh dapatkan.

Apakah yang jelas dalam pelaksanaan tugas itu, mereka telah dengan sengaja memperkayakan diri dan mereka yang berada di kelilingnya, yang bermakna mereka tidak mempunyai kemampuan, tetapi rasuah.

Ini saja sudah menjelaskan bahawa mereka telah mendustai istilah kemampuan kerana kesalahan itu bertentangan sama sekali dengan asas yang menjadi ukuran kebolehan pentadbiran awam.

Kejujuran

Kita mengharap sikap jujur di kalangan kakitangan awam. Jika seorang polis didapati rasuah, atau jika seorang hakim menerima suapan, atau jika seorang pegawai daerah menyalahgunakan kedudukannya untuk membolehkan dia kaya dengan menggunakan orang yang sepatutnya dilindungi, kita akan segera menyatakan bahawa orang itu tidak layak memegang jawatannya.



Tindakan rasuah, takkan menunggu ilham dari langit?

Bahkan, sesetengah kakitangan awam ini telah ditukarkan ke tempat lain untuk kesalahan yang tidak sebesar rasuah, misalnya keengganan untuk menandatangani Akujanji atau mengingkari arahan ketua.

Jadi kenapa menteri mesti dibeza-bezakan?

Sebagai ahli politik, had kesabaran terhadap perbuatan mereka sepatutnya serupa atau kalau tidak pun, rendah lagi. Tambah pula, mereka adalah ketua-ketua sesuatu jabatan di mana di situlah terletaknya tanggungjawab yang lebih besar.

Pengekalan Rafidah adalah satu pengguguran keadilan yang jelas. Dulu, secara rasmi, Rafidah disyorkan supaya didakwa berdasarkan pelbagai maklumat hasil dari kajian teliti saksi-saksi terhadap jenayahnya kerana menyalahgunakan jawatan sebagai menteri untuk perdagangan antarabangsa dan industri.

Sebab musabab Rafidah diburu bukan berdasarkan popularitinya (atau tidak) dengan orang ramai tapi kerana pendakwaraya rasmi telah menemui bukti jenayahnya dan ini dinyatakan dalam laporan rasmi masing-masing.

Tetapi sistem undang-undang yang betul tidak digunakan. Bahkan, dengan perlindungan Perdana Menteri waktu itu Rafidah dapat melepaskan diri.

Bukan itu saja, pegawai undang-undang dilarang pula menjalankan tugas mereka dengan betul.

Bagi Rafidah, ia adalah tanda kekebalannya. Dia jadi semakin tidak malu dan tidak peduli sindiran atau desakan terbuka yang dibuat terhadapnya mengenai salahlakunya.

Dan sebaik saja nafas itu dimatikan dari pentadbiran terakhir - beberapa bulan sebelum itu - dia kembali menghimpunkan AP untuk kroninya.

Sehingga pada akhirnya, dengan kes rasuah yang semakin menggunung, bekas Perdana Menteri yang pernah melindungi dia selama ini menjadi pengkritiknya yang paling utama.

Tapi sekali lagi Rafidah terselamat, dia dipilih oleh kuasa yang dalam tempoh

tidak lebih dua tahun lalu menjanjikan pengundi politik yang bersih dan cekap.

Langkah itu telah mengeluarkan semua isyarat yang salah: ia menyatakan bahawa adalah tidak mengapa untuk menjadi ahli politik yang rasuah, asalkan dia lantang, berani dan defensif.

Ia mencipta satu imej di mana penjenayah boleh melindungi diri mereka dengan kekebalan yang disediakan dengan jawatan politik mereka.

Lebih membimbangkan, ia memaparkan mentaliti 'godfather' di mana si penjahat kelihatan tidak boleh disentuh kerana apa jua yang mereka lakukan, bagaimana besar salahnya, mereka akan dilindungi oleh bos besarnya.

Mungkin tidak adil untuk menyatakan bahawa Kabinet kurang integriti. Kita tidak boleh salahkan kesemua mereka, hanya kerana rasuah yang dilakukan oleh segelintir anggotanya.

Tapi jika yang segelintir itu lebih besar, megah pula dengan kekebalan dan tidak mempedulikan keperluan yang asas tentang kejujuran dalam bertugas, maka lambat laun, orang ramai akan melihat seluruh pentadbiran sebagai tidak mampu mentadbir Kabinetnya dengan sempurna.

Integriti, seperti juga kebajikan, bermula dari dalam rumah. Adalah amat tidak adil bagi mana-mana pemimpin untuk melindungi orang yang mereka suka. Ia memperlihatkan ketidakadilan, ketidaksempurnaan dan sifat tidak ada tulang belakang.

Charles de Gaulle berkata, kubur-kubur dipenuhi dengan lelaki yang tidak boleh diketepikan. Perumpamaan itu boleh juga digunakan untuk kaum wanita.

Jika amaran itu tidak kita hiraukan, maka para pelindung itu akan dikesam seburuk-buruknya di mata masyarakat sebagai tidak jujur, itulah tanda bagi orang yang mereka pilih dilindungi.

Ezam Mohd Nor, 39 adalah Ketua Angkatan Muda KeADILan dan Pengerusi Gerak, sebuah badan NGQ yang menentang rasuah. SK